

**KESEDIAAN GURU SEKOLAH RENDAH
DALAM PENGAJARAN SEJARAH KURIKULUM
STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR):
SATU TINJAUAN**

DULLAH BIN YUTE

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

***TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN***

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan para guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah. Ini selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mewajibkan pengajaran Sejarah bermula pada tahun 2014 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2016. Kajian ini memberi fokus kepada lima aspek utama meliputi aspek pengetahuan, kemahiran, pengalaman, sikap dan minat guru. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif menggunakan reka bentuk tinjauan dengan melibatkan 52 buah sekolah rendah yang dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian ialah 326 orang guru yang dipilih secara rawak di daerah Tawau, Sabah. Alat kajian yang digunakan adalah borang soal selidik dan pemerhatian. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 21. Data deskriptif ditunjukkan dalam bentuk frekuensi, peratus dan min manakala analisis statistik inferens iaitu ujian t, ANOVA sehalu dan korelasi *pearson* digunakan untuk menguji hipotesis nul kajian pada aras signifikan $p < 0.05$. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan guru berada pada tahap yang tinggi untuk semua aspek yang dikaji. Analisis Ujian-t aspek kesediaan guru tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan mengikut jantina dan kedudukan sekolah, tetapi berbeza secara signifikan mengikut jenis sekolah. Ujian ANOVA aspek kesediaan guru tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan mengikut pengalaman mengajar tetapi berbeza secara signifikan mengikut umur, bangsa dan kelayakan akademik. Analisis korelasi *pearson* pula menunjukkan terdapat hubungan sederhana kuat dan signifikan antara keempat-empat aspek dengan tahap kesediaan guru. Melalui korelasi *pearson* juga menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara kemahiran dan sikap guru terhadap pengajaran Sejarah di sekolah rendah.